

23 AUG 1996  
LEAD Sirim-Ketua  
PEGAWAI PETRONAS KETUA BARU SIRIM

SHAH ALAM, 23 Ogos (Bernama) -- Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Research and Scientific Services Sdn Bhd Dr Mohamed Ariffin Haji Aton akan menjadi ketua baru SIRIM, berkuatkuasa 1 Sept.

Pelantikan beliau diumumkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawat Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) hari ini.

Dr Mohamed Ariffin, 51, akan memegang jawatan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif SIRIM yang dikorporatkan, bagi menggantikan Ketua Pengarahnya Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali yang telah dilantik sebagai ketua pegawai eksekutif Tenaga Nasional Bhd.

Semasa lawatan Perdana Menteri itu, Dr Mohamed Ariffin, seorang jurutera kimia, juga diperkenalkan kepada kakitangan SIRIM.

Dr Mahathir berharap kakitangan SIRIM akan memberi segala kerjasama kepada Dr Mohamed Ariffin.

Beliau juga berterima kasih kepada Dr Ahmad Tajuddin yang telah lama berkhidmat dengan SIRIM sehingga ia kini begitu berkembang maju. Dr Ahmad Tajuddin menyertai SIRIM pada 1989.

Dr Mohamed Ariffin mempunyai pengalaman yang luas daripada tugasnya dengan Petronas Research and Scientific Services Sdn Bhd, yang merupakan bahagian penyelidikan dan pembangunan Petronas.

Bekas sarjana Fullbright yang memiliki ijazah Phd dalam kejuruteraan kimia dari University of Leeds itu telah dipinjamkan kepada Petronas dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 1989.

Beliau menyertai UKM sebagai tutor pada 1972 dan bertanggungjawab bagi penubuhan fakulti kejuruteranya.

Dr Mohamed Ariffin berasal dari Klang dan belajar di Kolej Melayu Kuala Kangsar antara 1958 dan 1964. Beliau mendapat biasiswa ICI untuk mempelajari sains tulen di Trinity College, Cambridge dan telah lulus dengan ijazah kepujian dalam kejuruteraan kimia dari University of Surrey pada 1970.

Beliau juga pernah berkhidmat sebagai jurutera proses dengan Esso.

Dr Mahathir berkata memandangkan Dr Ahmad Tajuddin akan mengetuai Tenaga Nasional, penggantinya terpaksa dicari untuk memimpin SIRIM yang akan dikorporatkan sebelum diswastakan.

"Sepatutnya yang akan mengetuai SIRIM apabila ia dikorporatkan ialah Dr Ahmad Tajuddin yang telah begitu lama berkhidmat dengan SIRIM dan dapat memajukannya seperti yang ada hari ini. Saya ucap tahniah kepadanya," katanya.

Dr Mahathir berkata perlantikan Dr Mohamed Ariffin telah disahkan oleh Lembaga SIRIM.

Beliau yakin SIRIM akan terus maju dan menjadi badan yang boleh dibanggakan.

Perdana Menteri berkata apa yang diperlukan ialah para penyelidik yang mempunyai keyakinan tentang keupayaan mereka melakukan penyelidikan yang bermutu dan tidak berasa rendah diri dengan penyelidik lain.

Dr Mahathir yakin jika rakyat mahu melakukan sesuatu, mereka boleh melaksanakannya jika sanggup mencuba dan mencuba untuk mencapai tahap kesempurnaan.

Katanya, penyelidikan perlu ada bagi pembuatan barangan yang dilakukan rakyat Malaysia sendiri untuk menyesuaikan penggunaan barangan itu dengan iklim, saiz fizikal dan adat resam negara ini.

Beliau berkata rakyat Malaysia mempunyai kebiasaan untuk menggunakan apa sahaja barangan yang dibuat orang lain. -- BERNAMA  
AZZ NMO